



KENYATAAN MEDIA

Bil. 09 / 2022

36,729 KERTAS UNDI POS DIKELUARKAN BAGI PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-15

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **36,729 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 bagi PRU Dewan Negeri Johor Ke-15. Pengeluaran kertas undi pos pada **1 - 3 Mac 2022** dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di **semua 56 kawasan DUN**.
2. Kesemua **36,729 kertas undi pos** tersebut terdiri daripada **28,421** kategori Borang 1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), **7,814** undi pos bagi kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara), **118** kategori Borang 1C (9 Agensi dalam Sektor Keselamatan & Kesihatan) dan **376** Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara.
3. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil calon daripada **semua parti atau individu yang bertanding**.

4. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Pengisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus DUN berkenaan **sebelum jam 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **12 Mac 2022 (Sabtu)**.
5. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

4 Mac 2022 / 1 Syaaban 1443H